

# Tumpu kesejahteraan rakyat

Ahmad Razif beri jaminan tiada sebarang bantuan akan dihentikan tahun depan

■ NORHAFIZA MUSA

## KUALA TERENGGANU

- Kesejahteraan rakyat akan tetap menjadi keutamaan Kerajaan Terengganu walaupun terdapat pengurangan kewangan yang bakal dibentangkan dalam Bajet 2016 pada 30 November ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman turut memberi jaminan tiada sebarang bantuan akan dihentikan meskipun perbelanjaan Bajet 2016 akan berkurangan berbanding bajet-bajet tahun sebelum ini.

Menurutnya, bantuan dana raya, pakaian persekolahan serta insentif kecermerlangan pendidikan dan sukan akan tetap diteruskan seperti biasa.

"Namun, ia akan diagihkan kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) milik Terengganu, contohnya tajaan



Wan Mat Amin (kiri) dan Ibrahim saling bertukar MoU pada majlis yang disaksikan Ahmad Razif (tengah), di Wisma Darul Iman, semalam.

pendidikan sebelum ini diuruskan oleh Yayasan Terengganu (YT) tetapi bermula tahun depan, tanggungjawab itu se-

bahagiannya akan diambil alih oleh GLC.

"Begitu juga dalam bidang sukan, jika sebelum ini 100

peratus suntikan (perbelanjaan) daripada kerajaan negeri, bermula tahun hadapan kita memberi peluang kepada pi-

hak-pihak yang hendak memberi sumbangan, termasuk swasta dan GLC, yang kemudian kita masukkan dalam Tabung Pembangunan Sukan Negeri, seterusnya diagihkan.

"Jadi pengurangan berlaku dalam perbelanjaan kerajaan tetapi pada masa yang tidak berlaku kepada perbelanjaan yang dibuat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) di sini, semalam.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Osman Muda, Pengurus Besar Ketengah, Datuk Wan Mat Amin Wan Daud dan Naib Canselor UnisZA, Prof Datuk Dr Yahaya Ibrahim.

SINAR HARIAN  
26/11/2015

Sebelum ini, Ahmad Razif telah membayangkan terdapat pengurangan dalam bajet 2016 ekoran sumber pendapatan negeri melalui hasil petroleum telah berkurangan akibat penurunan harga minyak mentah dunia.

Mengulas lanjut, Ahmad Razif berkata kerajaan negeri akan memotong 30 peratus dari perbelanjaan pentadbiran dan beberapa langkah penjimatan akan dilaksanakan.

"Namun, rakyat Terengganu usah bimbang, kerana dana bantuan sedia ada akan tetap diteruskan, malah ada perkara mengembirakan yang akan diperolehi rakyat melalui Bajet 2016, termasuk pembinaan lebih banyak rumah di seluruh negeri.

"Buat permulaan, 15 kawasan Dewan Undangan Negeri akan terlibat dengan projek perumahan tersebut," katanya.